

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB TUAN WONG KAH WOH**  
**KAWASAN : IPOH TIMOR**

**SOALAN :**

**YB TUAN WONG KAH WOH** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan untuk tujuan penaiktarafan dan penyelarasan jalan-jalan, lampu jalan dan sebagainya kepada daerah Kinta, negeri Perak, berbanding dengan jumlah peruntukan yang dipohon oleh JKR Daerah Kinta. Apakah faktor yang menyebabkan kekurangan peruntukan tersebut.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun semasa (sehingga bulan Oktober 2019), peruntukan sebanyak **RM10,414,370.45** telah diluluskan bagi tujuan penyenggaraan Jalan Persekutuan di Daerah Kinta, Perak. Kerja-kerja penyenggaraan Jalan Persekutuan dipecahkan kepada tiga cara kerja, iaitu **rutin, berkala dan kecemasan**. Kerja-kerja penyenggaraan ini dilaksanakan oleh syarikat konsesi penyenggaraan yang telah dilantik oleh Kerajaan. Perincian **maklumat peruntukan yang dipohon berbanding yang diluluskan** untuk penyenggaraan Jalan-Jalan di Daerah Kinta, Perak adalah seperti di **Lampiran 1 - 3** yang disertakan.

Bagi kerja-kerja penyenggaraan **rutin**, ia dilaksanakan oleh syarikat konsesi **mengikut pusingan kerja** yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi. Peruntukan bagi kerja-kerja penyenggaraan rutin ini dibayar pada setiap bulan kepada syarikat konsesi berkenaan setelah ia disahkan oleh JKR Daerah yang terlibat. **Peruntukan bagi kerja-kerja rutin ini sememangnya telah diambil kira dan diasingkan sebagai peruntukan mandatori dalam bajet peruntukan Kementerian** setiap tahun.

Syarikat konsesi yang dilantik melalui perjanjian penswastaan di bawah skop Kerja Penyenggaraan Rutin perlu melakukan rondaan Pemeriksaan Rutin jalan Persekutuan dengan kekerapan 2 kali seminggu. Ini adalah untuk memastikan jika terdapat sebarang kerosakan jalan seperti jalan berlubang, kerja tampalan lubang hendaklah dilaksanakan dalam tempoh **24 jam** selaras dengan dasar KKR yang melancarkan **dasar sifar lubang** atau '**zero pothole**' di Jalan Persekutuan seluruh negara mulai bulan Februari 2016. Dasar ini menetapkan supaya **lubang jalan perlu ditampal** atau diambil tindakan oleh syarikat konsesi **dalam tempoh kurang daripada 24 jam**. Penalti akan dikenakan terhadap syarikat konsesi sekiranya tindakan yang diambil melebihi dari tempoh tindakan yang ditetapkan.

Kerja penampalan lubang ini merupakan langkah awal pencegahan atau *preventive* bagi tujuan keselamatan pengguna jalan raya sebelum kerja-kerja turapan kekal dilaksanakan. Lazimnya, jangka hayat turapan jalan adalah antara 5 hingga 7 tahun. Faktor kenderaan berat yang melebihi had muatan dibenarkan, juga akan mempengaruhi dan mengurangkan tempoh jangka hayat sesebuah jalan tersebut. Apabila sesebuah jalan telah mencapai tempoh jangka hayat tersebut, jalan tersebut perlu disenggara di bawah program penyenggaraan berkala pavemen iaitu jalan tersebut perlu diturap semula.

Kementerian Kerja Raya menyediakan program penyenggaraan berkala pavemen berdasarkan notis kerosakan (Notice of Defects / NOD) yang disediakan oleh syarikat konsesi penyenggaraan jalan persekutuan. Melalui NOD ini, Kementerian Kerja Raya akan menyenaraikan program penyenggaraan berkala pavemen mengikut senarai keutamaan negeri untuk dikemukakan kepada Kementerian Kewangan bagi tujuan kelulusan peruntukan.

Justeru dengan itu, Kementerian sentiasa menyediakan program penyenggaraan Jalan Persekutuan di bawah program **penyenggaraan berkala** sama ada penyenggaraan **berkala pavemen** mahupun penyenggaraan **berkala bukan pavemen** mengikut keutamaan negeri. Namun begitu, pelaksanaan program **penyenggaraan berkala** ini adalah **tertakluk kepada senarai keutamaan negeri** dan juga **kelulusan peruntukan oleh Kementerian Kewangan**.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **pemasangan lampu jalan** di Jalan Persekutuan adalah terhad di lokasi-lokasi **strategik** dan **berisiko kemalangan** seperti di persimpangan jalan, selekoh, kawasan tumpuan ramai seperti bandar atau pekan, mempunyai kapasiti trafik yang tinggi pada waktu malam serta jumlah kemalangan yang tinggi pada waktu malam.

Sekiranya terdapat kekangan peruntukan atau sesuatu lokasi tidak memenuhi kriteria di atas, *delineation* di lokasi berkenaan akan ditingkatkan bagi menggantikan sistem lampu jalan seperti:

1. Memasang *delineator post*;
2. Memasang pepaku jalan pantulan (*Road Studs*);
3. Memasang papan tanda *chevron* pada kawasan selekoh;
4. Memasang papan tanda jalan dan amaran yang bersesuaian;
5. Memastikan garisan jalan jelas kelihatan pada waktu malam.

**Faktor analisa kos faedah sesuatu projek** perlu diambil kira secara keseluruhan semasa proses mereka bentuk sesebuah jalan itu bagi memastikan **Kerajaan memperoleh nilai terbaik untuk wang (*best value for money*) daripada setiap peruntukan yang dibelanjakan.** Pemasangan lampu jalan di sepanjang jalan Persekutuan akan **melibatkan tanggungan kos yang tinggi** kepada Kerajaan Persekutuan iaitu setiap tahun Kerajaan perlu menyediakan peruntukan bagi pembayaran bil elektrik serta penyenggaraan lampu jalan.

Pendirian Kementerian ini jelas dalam memastikan keadaan Jalan Persekutuan sentiasa berada dalam keadaan selamat, baik dan selesa kepada semua pengguna jalan Persekutuan termasuklah menyediakan situasi pemanduan yang baik pada waktu malam.

Sekian, terima kasih.

**PERBANDINGAN PERMOHONA DAN PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN  
BAGI DAERAH KINTA UNTUK TAHUN 2017 – OKTOBER 2019**

<b>BIL.</b>	<b>TAHUN</b>	<b>PERMOHONAN PERUNTUKAN (RM)</b>		<b>PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN (RM)</b>	
		<b>BERKALA PAVEMEN</b>	<b>BERKALA BUKAN PAVEMEN</b>	<b>BERKALA PAVEMEN</b>	<b>BERKALA BUKAN PAVEMEN</b>
1	2017	22,893,000.00	15,763,940.00	3,050,000.00	472,000.00
2	2018	17,948,000.00	17,415,940.00	3,099,903.60	1,567,870.18
3	2019	24,487,051.63	20,153,155.33	6,970,000.00	418,000.00

**PERUNTUKAN KERJA RUTIN  
BAGI DAERAH KINTA UNTUK TAHUN 2017 – SEPTEMBER 2019**

<b>TAHUN</b>	<b>JAN</b>	<b>FEB</b>	<b>MAC</b>	<b>APRIL</b>	<b>MEI</b>	<b>JUN</b>	<b>JULAI</b>	<b>OGOS</b>	<b>SEPT</b>	<b>OKT</b>	<b>NOV</b>	<b>DIS</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
2017	382,733.71	383,741.71	386,476.51	386,476.51	386,476.51	386,476.51	386,476.51	386892.03	386892.03	385989.69	386943.69	387,147.30	4,632,722.71
2018	381,611.35	387,572.79	388,092.18	388,092.18	388,092.18	366,186.33	366,186.33	359,450.33	363,370.33	363,105.01	249,196.91	249,931.91	4,250,887.83
2019	312,746.22	312,746.22	312,746.22	312,746.22	312,746.22	312,746.22	333,095.16	333,341.88	333,341.88	BELUM	BELUM	BELUM	2,876,256.24

Nota:

Pembayaran jumlah tuntutan kerja penyenggaraan Rutin kepada syarikat konsesi, setelah disahkan oleh JKR Daerah Kinta.

**LAMPIRAN 3****PERUNTUKAN KERJA KECEMASAN  
BAGI DAERAH KINTA UNTUK TAHUN 2017 – SEPTEMBER 2019**

<b>TAHUN</b>	<b>JAN</b>	<b>FEB</b>	<b>MAC</b>	<b>APRIL</b>	<b>MEI</b>	<b>JUN</b>	<b>JULAI</b>	<b>OGOS</b>	<b>SEPT</b>	<b>OKT</b>	<b>NOV</b>	<b>DIS</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
2017	9,223.63	2,832.62	7,079.78	5,887.81	5,500.32	6,048.52	5,606.08	3,224.55	5,464.92	-	-	-	50,868.23
2018	1,849.39	3,840.83	5,128.41	7,722.43	2,237.66	3,381.62	4,337.50	6,166.35	5,479.91	33,237.21	4,409.40	13,004.51	90,758.22
2019	12,774.80	5,422.21	21,402.65	24,895.67	12,550.55	-	13,506.75	39,862.43	19,699.15	BELUM	BELUM	BELUM	150,114.21

**Nota:**

Pembayaran kerja Kecemasan Kecil dibuat setelah disahkan oleh JKR Daerah Kinta dan bayaran adalah berdasarkan bil tuntutan yang dikemukakan oleh syarikat konsesi.